



## UPM Diisahkan Juara Liga Hoki MASUM 2009

*Pemain hoki UPM bergambar sebelum perlawanan bermula.*

**PULAU PINANG, 28 Mac** – Universiti Putra Malaysia (UPM) diisahkan sebagai juara Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2009 setelah menewaskan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam perlawanan terakhir liga dengan keputusan 7 – 0 di padang hoki USM baru-baru ini.

Gol UPM disumbangkan oleh Baljit Singh Sarjab Singh (2 gol), Craig Fernandes, Razali Zulkifli, Muhamad Faisal Kamarudin, Mohamad Herwan Pami dan Nabil Fiqri Mohd Noor, masing-masing satu gol.

Kemenangan ke atas USM menyaksikan UPM menduduki tempat pertama Divisyen Satu, Liga Hoki MASUM 2009 dengan mengumpul 21 mata dan merupakan juara liga yang sama buat tahun kedua berturut-turut.

UPM yang ditarusi beberapa pemain hoki kebangsaan oleh Baljit Singh Sarjab Singh, Nabil Fiqri Mohd Noor dan Mohamad Herwan Pami mencatatkan rekod cemerlang dengan memenangi tujuh perlawanan tanpa kalah.

Pengurus Hoki UPM, Johan Ali berkata pemain UPM yang juga atlet negara iaitu Mohamed Sukri Abd Mutalib dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil tidak dapat bermain pada perlawanan akhir tersebut kerana masalah kecederaan.

*Baljit Singh cuba melepasi kawalan pemain hoki USM ketika perlawanan sambil diperhatikan oleh Mohamad Herwan Pami (kanan).*

"UPM juga ditarusi dua pemain remaja kebangsaan iaitu Ahmad Kazamirul Nasarudin dan Muhamad Faisal Kamarudin," katanya.

Beliau berkata saingan liga hoki pada tahun ini sangat kerana saingan terdekat iaitu Universiti Malaya (UM) ditarusi oleh atlet negara dan negeri sementara Universiti Teknologi Mara (UITM) mempunyai majoriti pemain skuad negeri.

"Perlawanan terakhir dengan USM penting kerana jika UPM kalah dan UM memenangi perlawanan terakhinya, kedua-dua pasukan akan terikat dari segi mata dan juara ditentukan menerusi jaringan gol," katanya.

Johan berkata dalam ketujuh-tujuh perlawanan, UITM memberikan cabaran sangat walaupun mereka tewas 3 – 4.

Liga Hoki MASUM disertai oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

*Pasukan hoki UPM selepas memenangi perlawanan dengan USM.*

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.